

28 OCT 2002

Ling-Inggeris/I

PARTI BERASASKAN CINA CAPAI PERSETUJUAN MENGENAI ISU BAHASA INGGERIS

PUTRAJAYA, 28 Okt (Bernama) -- Empat parti yang mewakili masyarakat Cina dalam Barisan Nasional (BN) yang menentang cadangan pengajaran mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah Cina di negara ini sudah menyediakan cadangan balas.

Cadangan balas itu menurut Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, akan dikemukakan kepada Majlis Tertinggi BN yang dijangka mengadakan mesyuarat Khamis ini.

"Kami mengambil masa seminggu untuk menghalusi cadangan itu, kami bermesyuarat beberapa kali termasuk perbincangan dengan golongan pendidikan dan pakar," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada kakitangan Kementerian Pengangkutan di kementerian itu di sini hari ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata kini terpulanglah kepada BN untuk membuat keputusan muktamad mengenai perkara itu.

Dua bulan lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN mencadangkan mata pelajaran sains dan matematik diajar dalam bahasa Inggeris di semula sekolah di negara ini. Ia bertujuan meningkatkan penguasaan bahasa itu di kalangan rakyat Malaysia.

Bagaimanapun pelaksanaan cadangan itu ditentang oleh empat parti yang mewakili kaum Cina dalam kerajaan yang memerintah ekoran kebimbangan bahawa bahasa ibunda di sekolah jenis kebangsaan Cina akan terhakis.

Empat parti berkenaan ialah MCA, Gerakan, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti Maju Sabah.

Berdasarkan cadangan awal, pengajaran mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris dimulakan untuk murid Tahun Satu, Tingkatan satu dan Tingkatan Enam Rendah.

Dr Ling yang ditanya mengenai butiran lanjut cadangan balas itu, berkata media perlu menunggu selepas mesyuarat majlis tertinggi BN selesai.

"Biar BN berbincang dan memutuskannya. Saya tidak mahu mendedahkannya kepada media tetapi kepada BN," katanya.

Beliau yang ditanya sama ada cadangan balas itu akan membebaskan pelajar, Dr Ling berkata: "Mereka (pelajar) mampu menerimanya (belajar) jika diberikan peralatan yang tepat."

Beliau juga berkata cadangan balas itu tidak mungkin dibentangkan pada mesyuarat kabinet Rabu ini.

"Saya tidak pasti (membentangkannya pada mesyuarat kabinet). Saya rasa BN yang terbabit kerana skopnya lebih luas, meliputi 14 parti, kabinet tidak meliputi jumlah perwakilan itu.

"BN merupakan cara untuk menyelesaikan masalah. Ini bukan kali pertama kita berhadapan dengan masalah. Sudah banyak kali," kata Dr Ling.

-- BERNAMA

SR AHH LAT